



# **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (KENDEREAAN BURUK SITAAN) BIL. 2/2024**

## **PADA HARI AHAD, 22 SEPTEMBER 2024**

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas.

### **2. DIGALAKKAN Pemakaian Pelitup Muka**

2.1 Kepada individu yang bergejala respiratori

2.2 Individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu yang berpenyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung.

### **Penggunaan Hand Sanitizer**

2.3 Menggunakan hand sanitizer kepada petugas, pembida, pembantu dan orang ramai yang hadir semasa acara lelongan.

### **Penjarakan sosial**

2.4 Mengamalkan penjarakan sosial semasa aktiviti lelongan dilaksanakan.

Tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

3. Pembida **wajib memiliki lesen menjual barang lusuh dan terpakai di bawah Akta Peniaga Sekenhend 1946 (Akta 189)** yang sah dan berkuatkuasa.

4. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.

5. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **TUNAI/KAD KREDIT/KAD DEBIT** sepenuhnya pada hari lelongan.

6. Kenderaan buruk yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.

7. Urusan pengangkutan kenderaan buruk adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.

8. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran pada hari yang sama. (Sehingga jam 3.30 petang).

9. Barang-barang yang telah dibida dan dibayar hendaklah **dilerakan dan dipotong dengan menggunakan jentera, kelengkapan, dan peralatan sendiri di dalam kawasan tapak simpanan** sebelum dibawa keluar dari tempat tersebut. **Bekalan kuasa elektrik tidak disediakan.**

10. Pembida juga **dilarang membuat urusan jual beli** di tapak simpanan.
11. Pembida diberi tempoh **lima (5) hari (22 hingga 26 September 2024)** untuk membawa keluar, menuntut, mengambil barang-barang tersebut selepas bayaran dibuat, dalam waktu mulai jam 8.00 pagi sehingga 9.00 malam. Sebarang kos dan risiko adalah di bawah tanggungjawab pembida tanpa apa-apa liabiliti kepada Majlis.
12. Kegagalan menuntut/mengambil kenderaan buruk selepas tempoh yang ditetapkan tamat akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
13. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** rugi di atas kerosakan dan/atau kehilangan kenderaan buruk semasa atau selepas lelongan.
14. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan kenderaan-kenderaan yang dilelong.
15. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi kenderaan-kenderaan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
16. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko kerugian dan/atau liabiliti daripada kenderaan buruk yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
17. Tidak dibenarkan sebarang rakaman dan penstriman langsung ('live') melalui apa-apa peranti.
18. Kenderaan buruk yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
19. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD**.